

03 JAN 1997

Akta-Rumah

PENYEWA BANGUNAN SEBELUM PERANG DIBERI PERHATIAN KHAS

BUTTERWORTH, 3 Jan (Bernama) -- Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan bekerjasama dengan kerajaan-kerajaan negeri untuk mengatasi masalah perumahan bagi penyewa yang tinggal di bangunan zaman sebelum perang sebelum Akta Kawalan Sewa dimansuhkan tidak lama lagi.

Menteri berkenaan, Datuk Dr Ting Chew Peh hari ini berkata, kerajaan negeri diharap memberi keutamaan kepada golongan itu dalam usaha mendapatkan rumah kos rendah agar nasib mereka lebih terjamin.

Beliau berkata, golongan yang menyewa di bangunan atau rumah zaman sebelum perang itu perlu diberi perhatian khas kerana mereka akan kehilangan tempat tinggal sebaik sahaja akta itu dimansuhkan dan pemilik bangunan dibenarkan memaju atau mengubahsuai bangunan masing-masing.

"Akta itu akan dimansuhkan setelah kerajaan bersetuju untuk mewujudkan Akta Bangunan Warisan yang akan dibentangkan pada persidangan Parlimen Mac ini dan para pemilik bangunan zaman sebelum perang itu berpeluang untuk memajukan tapak bangunan masing-masing," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Tokong Cina Jalan Pantai Bersih, di sini.

Ting berkata, terdapat kira-kira 36,000 bangunan sebelum perang yang didiami lebih 60,000 penghuni di seluruh negara dan hampir separuh daripadanya terdapat di Pulau Pinang.

Bangunan atau rumah sebelum perang ialah bangunan yang dibina sebelum tahun 1948.

"Kerajaan juga telah menyediakan skim sewa rumah kepada golongan yang tidak berkemampuan agar mereka tidak menjadi mangsa kehilangan rumah akibat pelupusan akta itu," kata Ting.

Katanya, melalui Akta Bangunan Warisan yang akan diwujudkan kelak, kerajaan menyediakan garis panduan kepada pemilik mengenai pengubahsuaian atau memajukan bangunan zaman sebelum perang sebagai usaha mengawal bangunan itu.

Pada perkembangan lain, beliau berkata, Jabatan Perumahan Negara sedang merangka satu formula mengenai harga rumah kos rendah mengikut kawasan.

Katanya, formula itu dibentuk sebagai menyahut cadangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai harga rumah kos rendah sekarang yang dikatakan tidak semestinya diwajibkan dengan harga RM25,000 jika kawasan perumahan itu adalah di bandar dan kos tanahnya yang tinggi.

"Formula itu merangkumi aspek harga dan cadangan tambahan untuk dijadikan garis panduan mengenai harga rumah kos rendah itu," katanya.

-- BERNAMA

AA ZU AHH